

CNS4500

R GB 26-06 00165 BA732

BAH MEX

Mahathir - Barisan

TIADA ALTERNATIF LAIN YANG DAPAT GANTIKAN BARISAN, KATA MAHATHIR  
KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Tidak ada alternatif lain yang dapat menggantikan Barisan Nasional (BN) kerana pakatan antara parti-parti komponennya adalah tetap dan lebih kekal, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

— Ia bukan seperti pakatan antara parti pembangkang yang hanya wujud apabila pilahan raya umum muncul dan selepas itu masing-masing parti membawa diri, katanya.

Dr Mahathir berkata, kegagalan "pakatan tiruan" antara parti pembangkang ialah kerana para pemimpinnya tidak jujur dan mereka lebih mementingkan diri sendiri daripada kepentingan rakyat dan negara.

BN sebaliknya, memberi kentamaan kepada kepentingan negara dan parti, daripada kepentingan individu atau mana-mana kumpulan, selain daripada mempraktikkan prinsip kerjasama, tolak ansur dan toleransi, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan parti MCA, di sini.

Prinsip itu akan sentiasa dipegang BN kerana jika ia tunduk kepada mana-mana individu atau kumpulan, ia akan menghadapi kehancuran, katanya.  
-- Lagi.

♥26/06/10-55MST

R GB 26-06 00130 BA733

BAH MEX

Mahathir - Barisan 2 Kuala Lumpur

Cara BN memerintah adalah lebih berkesan dan ini dapat dilihat daripada minat banyak negara membangun dan pertubuhan antarabangsa untuk mempelajari cara-cara BN mentadbirkan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama ini, katanya.

"Kita akui sekali-sekala terdapat sedikit masalah dalam BN seperti baru-baru ini USNO bersubahat dengan parti lawan. Tetapi tindakan seperti ini tidak menjejaskan kedudukan BN," katanya.

"Bahkan ia telah menguatkan lagi BN kerana BN tidak sanggup mempunyai pemimpin-pemimpin dalam parti komponennya yang lebih mementingkan diri mereka sendiri daripada kepentingan parti, rakyat dan negara," katanya.

Perdana Menteri juga membidas golongan yang sentiasa menentang apa sahaja yang dilakukan kerajaan, dan menyifatkan golongan ini sebagai mereka yang suka "menentang semata-mata untuk menentang." -- Lagi.

♥26/06/11-01MST

RAH MEX

Mahathir - Barisan 3 Kuala Lumpur

Katanya, walaupun kemudian rancangan atau projek ini yang diusahakan kerajaan terbukti berjaya dan dunia mengakuinya, mereka tetap tidak mahu menerima kenyataan tetapi yang anehnya mereka turut menumpang hasil daripada kejayaan itu.

Dr Mahathir berkata, pihak asing yang turut tidak yakin akan kemampuan kita mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju, telah cuba menghasut rakyat negara ini, terutamanya kaum pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja, supaya mensabotaj usaha-usaha kita.

"Tetapi rakyat Malaysia sendiri perlu lebih yakin kerana keyakinan adalah separuh daripada sifat-sifat yang boleh membawa kejayaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, keyakinan ini bukanlah berasaskan kepada keangkuhan, ia berasaskan kepada kesedaran bahawa wawasan itu ialah satu matlamat yang realistik setelah mengambil kira kemampuan rakyat Malaysia dan prestasi ekonomi negara selama ini.

Kerajaan, sebelum mengambil keputusan menggariskan matlamat itu, telah mengadakan kajian yang teliti dan mendalam, katanya. -- Lagi.

♥26/06/11-13MST

CNS4505

RAH MEX

Mahathir - Barisan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, semasa kerajaan mengumumkan projek kereta nasional 10 tahun lepas, banyak pihak mengkritiknya dengan hebat. Kononnya, Malaysia tidak berupaya dan tidak mampu memiliki kemahiran dan teknologi canggih untuk mengeluarkan kereta bermutu tinggi yang dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Projek itu kini terbukti berjaya dan telah menghasilkan banyak industri sampingan dan bersama-sama projek-projek industri berat yang lain telah meletakkan asas penting bagi proses perindustrian yang lebih cepat, katanya.

Beliau berkata: "Yang penting, kestabilan politik negara perlu dikekalkan. Oleh yang demikian adalah amat penting kaum-kaum di negara ini tidak bertindak sehingga boleh menjejaskan kestabilan politik negara."

Semua kaum perlu berusaha meningkatkan perpaduan dan persefahaman, dan mereka hendaklah menghakiskan ketebalan semangat perkauman, tambahnya.

"Walaupun kita/tidak dapat menghapuskan secara langsung identiti kaum dan menggantikannya dengan perasaan kebangsaan yang satu, kita tidak harus mengapi-apikan semangat perkauman sehingga suasana politik dan sosial negara menjadi tegang," katanya.

Beliau berkata, setiap kaum harus ingat bahawa semua kaum boleh bersama-sama memperolehi bahagian yang lebih banyak hasil daripada kestabilan negara berbanding dengan jika setiap kaum cuba merebut semuanya untuk dirinya sendiri. -- Bernama.

HK AHH KAM.

♥26/06/11-22MST